



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PENTAKSIRAN BAHARU KEMASUKAN SEKOLAH KHUSUS
TAHUN 2021**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) akan memperkenalkan kaedah pentaksiran baharu bagi tujuan kemasukan murid ke Sekolah Khusus, iaitu Sekolah Berasrama Penuh (SBP), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), Sekolah Menengah Teknik (SMT), Kolej Vokasional (KV), dan Maktab Tentera Diraja (MTD) untuk tahun 2021.

KPM telah membangunkan satu sistem permohonan kemasukan murid Tingkatan Satu dan Tingkatan Empat ke Sekolah Khusus secara **single entry point**. Sistem ini melibatkan permohonan secara berpusat dan juga kaedah pentaksiran *standard* secara berpusat.

Permohonan kemasukan ke Sekolah Khusus ini melibatkan:

BIL.	SEKOLAH	TINGKATAN
1.	Sekolah Berasrama Penuh	Tingkatan Satu Tingkatan Empat
2.	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama	Tingkatan Satu Tingkatan Empat
3.	Sekolah Menengah Teknik	Tingkatan Empat
4.	Kolej Vokasional	Tahun 1 Sijil Vokasional Malaysia
5.	Maktab Tentera DiRaja	Tingkatan Empat

Sehubungan dengan itu, permohonan untuk kemasukan ke Tingkatan Satu boleh diakses melalui pautan <https://spskt1.moe.gov.my> dan permohonan ke Tingkatan Empat melalui pautan <https://spskt4.moe.gov.my>. Semua pemohon akan menduduki pentaksiran secara berpusat di 555 buah pusat pentaksiran yang ditetapkan di seluruh negara.

Tarikh bagi permohonan dalam talian, semakan pusat pentaksiran dan pelaksanaan pentaksiran adalah seperti berikut:

PERKARA	TINGKATAN 1	TINGKATAN 4 / TAHUN 1 SVM
Permohonan dalam talian	7 September – 2 Oktober 2020	7 September – 2 Oktober 2020
Semakan Pusat Pentaksiran	7– 23 Oktober 2020	12 Oktober – 6 November 2020
Pelaksanaan Pentaksiran	12 – 23 Oktober 2020	26 Oktober – 6 November 2020

Untuk makluman, pentaksiran kemasukan Sekolah Khusus yang akan dilaksanakan ini merangkumi tiga bahagian iaitu Kecerdasan Insaniah (20%), Kecerdasan Intelektual (70%) dan Artikulasi Penulisan (10%). Kaedah pelaksanaan Ujian Kecerdasan Insaniah dan Kecerdasan Intelektual adalah secara dalam talian manakala kaedah pelaksanaan ujian Artikulasi Penulisan adalah secara bertulis. Maklumat lanjut berhubung pentaksiran ini akan dimaklumkan melalui portal KPM pada 1 September 2020.

-TAMAT –

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
23 OGOS 2020